

# **KEPENTINGAN PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM AKTIVITI PEMBELAJARAN KANAK-KANAK DI PRASEKOLAH**

Paezah Abd. Halim

Faridah Yunus

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

## **ABSTRAK**

*Pendidikan awal kanak-kanak merupakan peringkat awal dalam proses pembelajaran untuk seseorang kanak-kanak. Memberi pendedahan dan juga memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak dapat membantu dalam perkembangan mereka secara menyeluruh. Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak sangat mempengaruhi perkembangan kanak-kanak tersebut. Sehubungan dengan itu, kertas konsep ini bertujuan memperincikan berkenaan apa yang perlu diketahui tentang penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak di prasekolah berdasarkan kepada kajian lepas. Kepentingan penglibatan ibu bapa dikenangkan untuk menerangkan perlunya penglibatan dan penyertaan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak. Model penglibatan ibu bapa oleh Joyce Epstein merupakan salah satu model yang menerangkan berkenaan penglibatan ibu bapa. Model ini boleh dijadikan panduan dalam merancang pelbagai aktiviti untuk menggalakkan penyertaan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak di prasekolah terutamanya di kawasan pedalaman. Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak dianalisis berdasarkan kajian-kajian penyelidik lepas. Pelbagai aktiviti perlu di bina bagi menarik perhatian serta menggalakkan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak di prasekolah selaras dengan kehendak kerajaan yang memperlihatkan kepentingan memberi pendidikan kepada kanak-kanak di awal usia.*

**Kata Kunci:** Penglibatan ibu bapa, kepentingan penglibatan ibu bapa, aktiviti pembelajaran kanak-kanak, pendidikan awal kanak-kanak

## **1.0 PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM AKTIVITI PEMBELAJARAN KANAK-KANAK DI PRASEKOLAH**

Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak berkait rapat dengan pencapaian akademik anak-anak. Semakin meningkatnya penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak, maka kecenderungan untuk pencapaian atau perkembangan kanak-kanak juga meningkat adalah tinggi dan begitu juga sebaliknya. Daripada pemerhatian penyelidik, sebelum kajian ini dijalankan didapati bahawa ibu bapa kurang mengambil berat akan pembelajaran anak-anak terutamanya di peringkat prasekolah iaitu pada tahap pendidikan awal kanak-kanak. Selain daripada ibu bapa, kebanyakan guru juga menganggap perkara ini adalah perkara yang mudah dan tidak perlu di ambil perhatian sedangkan situasi yang berlaku di kebanyakan sekolah harian, guru-guru lebih mementingkan pencapaian kanak-kanak dan kerap melabel kanak-kanak sekiranya tidak mencapai target yang diinginkan. Perkara yang sama juga berlaku kepada persepsi ibu bapa mengenai pembelajaran kanak-kanak tanpa mengambil kira bahawa memberi

pendidikan awal kepada kanak-kanak secara tidak langsung akan mendedahkan kanak-kanak seawal usia untuk meneroka dunia sebenar lantas menggalakkan perkembangan mereka yang lebih holistik.

Mengapa perlunya penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak kerana penyertaan ibu bapa dalam dunia sebenar pembelajaran kanak-kanak sama ada di rumah mahupun di sekolah sedikit sebanyak membantu ibu bapa dalam penyediaan bahan pembelajaran untuk anak-anak. Penglibatan secara langsung ini akan lebih menggalakkan ibu bapa menyediakan bahan pembelajaran untuk anak-anak di rumah dan hal ini akan memberi kesedaran kepada ibu bapa bahawa pendidikan awal kanak-kanak adalah suatu yang menyeronokkan. Kajian oleh Chris dan Rosemary (2004) menunjukkan bahawa penyertaan, sokongan ibu bapa dan penyediaan bahan pembelajaran yang sesuai dapat meningkatkan kemampuan belajar sendiri dalam kalangan murid.

Selain itu, perlunya penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak adalah kerana ibu bapa merupakan orang yang paling hampir dengan anak-anak di rumah. Hasil kajian Milkie et al., (2004) menunjukkan bahawa ibu bapa banyak meluangkan masa bersama dengan anak-anak supaya mereka dapat mengawal atur pembelajaran mereka. Ibu bapa yang menyedari akan kepentingan pembelajaran dalam membantu proses perkembangan kanak-kanak akan secara langsung melibatkan diri mereka dalam pembelajaran anak-anak mereka. Kanammah, Melissa & Shahizan (2013) dalam kajiannya mendapati pembelajaran pelajar di sekolah banyak dipengaruhi oleh peranan ibu bapa seperti membantu memeriksa kerja rumah serta memberi semangat kata-kata nasihat.

Ibu bapa merupakan individu yang juga sering berkomunikasi dengan anak-anak mereka apabila berada di luar kawasan sekolah. Anak-anak lebih memahami atau lebih mengikuti apa jua pertuturan yang dikeluarkan oleh ibu bapa mereka di rumah. Oleh itu, penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak akan membantu menyediakan ruang untuk anak-anak belajar di rumah mahupun di mana-mana sahaja apabila mereka bersama dengan ibu bapa mereka. Kajian terdahulu mendapati bahawa keluarga yang mengamalkan komunikasi sihat di rumah bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan malahan membantu anak-anak meningkatkan perkembangan diri, emosi dan pencapaian mereka dalam pelajaran (Cooper, Robinson & Patall, 2006).

Penglibatan ibu bapa yang semakin berkurangan dalam aktiviti pembelajaran anak-anak dan program di sekolah memberikan kesan kepada pencapaian mereka dalam pembelajaran (West et al., 1998). Justeru, objektif kajian ini tidak akan dapat dicapai sekiranya masih berlaku pengurangan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak di prasekolah. Menurut Henderson & Mapp (2000), kecemerlangan murid tidak akan dapat dicapai seandainya penglibatan ibu bapa dalam program dan aktiviti sekolah tidak dapat ditingkatkan.

Kebanyakan kajian yang dijalankan menyatakan bahawa pentingnya penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran di semua peringkat umur kanak-kanak sama ada di peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan peringkat pengajian tinggi. Di negara-negara barat banyak mendedahkan kepada ibu bapa akan kepentingan mereka melibatkan diri dalam pembelajaran anak-anak mereka. Kajian Thuwayba, Tayfor & Humaira (2012) menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak sudah lama

diperkenalkan di Oman yang mana pendidikan di sekolah sering kali dijadikan ruang untuk ibu bapa berkomunikasi berkenaan pembelajaran anak-anak.

Justeru, bagi meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak di sekolah, pendekatan aktiviti yang pelbagai perlu diperkenalkan kepada ibu bapa bagi memberi pendedahan kepada mereka berkenaan pendidikan awal kanak-kanak. Penekanan terhadap aktiviti perlu supaya dapat menarik minat ibu bapa melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak sama ada di sekolah maupun di rumah. Kepelbagaian aktiviti juga diharapkan dapat membantu meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak. Oleh itu, kebanyakan dapatkan kajian yang diperoleh banyak menekankan penglibatan serta penyertaan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak. Penyertaan aktif dan sokongan ibu bapa diharapkan dapat meningkatkan potensi pembelajaran anak-anak melalui penerusan pembelajaran tersebut di rumah.

## **2.0 KEPENTINGAN PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM PEMBELAJARAN KANAK-KANAK DI PRASEKOLAH**

Ibu bapa merupakan individu yang paling penting di dalam setiap aktiviti yang dilakukan oleh kanak-kanak sama ada di rumah maupun di sekolah. Keterlibatan mereka di dalam setiap aktiviti kanak-kanak membantu perkembangan kanak-kanak itu sendiri sama ada dari segi perkembangan emosi, rohani, jasmani dan sahsiah kanak-kanak itu sendiri. Namun begitu, masih terdapat ibu bapa maupun masyarakat yang mengambil mudah akan perkara ini dan tidak menyedari bahawa pendidikan awal kanak-kanak adalah penting dan harus diberi perhatian. Masyarakat juga harus sedar akan hal ini dan tidak menganggap kanak-kanak adalah individu kecil yang tidak tahu apa-apa. Tetapi harus ditekankan di sini bahawa proses pembelajaran bagi kanak-kanak telah berlaku sewaktu mereka kecil lagi.

### **2.1 Meningkatkan Keyakinan Diri Kanak-kanak**

Penglibatan ibu bapa akan meningkatkan keyakinan dalam diri kanak-kanak terutamanya keyakinan dari segi komunikasi, bergaul dengan rakan-rakan dan interaksi dengan guru. Kanak-kanak prasekolah terutamanya yang berumur lima dan enam tahun yang baru mengikuti program pendidikan awal kanak-kanak kebanyakannya sukar untuk menyesuaikan diri dengan suasana baru sama ada bersama dengan rakan maupun guru. Hal ini amatlah penting bagi seorang guru untuk menyediakan aktiviti yang menyeronokkan dan dapat menarik perhatian mereka.

Aktiviti yang melibatkan penyertaan bersama ibu bapa sebenarnya akan memberikan keyakinan kepada kanak-kanak untuk tidak berasa takut dan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan atau suasana baharu mereka. Aktiviti yang dijalankan juga akan lebih menyeronokkan kerana bukan guru sahaja terlibat secara langsung di dalam sesuatu aktiviti malah melibatkan penyertaan ibu bapa juga. Keyakinan dalam diri adalah elemen penting yang perlu ditonjolkan oleh seseorang kanak-kanak kerana keyakinan diri yang ada pada seseorang kanak-kanak akan membantu dalam pembentukan personaliti individu itu sendiri.

Penyertaan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran sama ada yang telah dirancang oleh guru maupun cadangan aktiviti daripada ibu bapa sebenarnya sedikit sebanyak membantu kanak-kanak untuk terus melakukan aktiviti, berani untuk tampil ke hadapan dan berkeyakinan untuk bergaul dengan rakan-rakan di dalam kelas. Ibu bapa yang prihatin

adalah ibu bapa yang sentiasa menyedari akan keperluan serta kehendak kanak-kanak, menyedari akan perkembangan anak-anak mereka di samping sentiasa ingin tahu berkenaan perkembangan kanak-kanak se awal usia ini. Hal ini secara tidak langsung menepati kehendak kerajaan yang inginkan perkembangan kanak-kanak secara holistik tercapai.

## **2.2 Kanak-kanak dapat melihat peranan yang berbeza daripada ibu bapa iaitu berperanan sebagai guru**

Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak di prasekolah juga membolehkan kanak-kanak dapat melihat peranan yang berbeza daripada ibu bapa. Terdapat kajian yang menyatakan bahawa terdapat empat peranan yang dimainkan oleh ibu bapa yang dapat menyumbang kepada pembelajaran kanak-kanak iaitu ibu bapa sebagai guru, ibu bapa sebagai penyokong, ibu bapa sebagai peguam dan ibu bapa sebagai pembuat keputusan (Henderson & Bella, 1994). Ibu bapa yang selalu di lihat oleh kanak-kanak di rumah adalah sebagai penjaga atau pengasuh untuk mereka bertukar peranan menjadi guru apabila ibu bapa mereka terlibat secara langsung dalam aktiviti pembelajaran mereka di prasekolah.

Melalui penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran ini akan merubah persepsi kanak-kanak akan peranan ibu bapa itu sendiri. Kanak-kanak akan mempelajari sedikit demi sedikit bahawa ibu bapa mereka juga boleh menjadi guru bukan sahaja di sekolah malah di rumah juga. Pelbagai peranan yang dilihat pada ibu bapa ini membantu memberikan keyakinan kepada kanak-kanak untuk menyertai aktiviti di prasekolah dan juga aktiviti di rumah. Di samping itu, ibu bapa yang telah didedahkan dengan aktiviti pembelajaran di prasekolah boleh mempraktikkan aktiviti tersebut di rumah juga. Hal ini bagi memberi pendedahan kepada kanak-kanak berkenaan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan yang akan dilakukan oleh mereka sama ada di prasekolah maupun di rumah.

Selain dapat melihat perbezaan peranan ibu bapa, penglibatan ibu bapa bersama anak-anak dalam aktiviti pembelajaran sebenarnya memudahkan ibu bapa dalam memahami konsep sebenar pembelajaran di prasekolah serta membantu membimbing dan mendidik anak-anak dalam pembelajaran. Di samping itu, keterlibatan ini sebenarnya membantu ibu bapa untuk mengetahui tahap perkembangan dan kemahiran anak-anak serta membantu mereka untuk meningkatkan mutu pembelajaran anak-anak.

## **2.3 Ibu bapa lebih memahami kurikulum dan aktiviti yang dipelajari oleh kanak-kanak**

Ibu bapa yang terlibat dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak di prasekolah juga akan lebih memahami kurikulum dan aktiviti yang dipelajari oleh kanak-kanak. Morrison (1995) menyatakan ibu bapa adalah orang yang menyediakan keperluan asas, penjagaan dan kasih sayang, memberi sokongan, panduan, tunjuk ajar, bimbingan dan perlindungan kepada kanak-kanak. Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak prasekolah adalah sangat penting. Hal ini kerana penglibatan ibu bapa bersama anak-anak akan dapat memudahkan ibu bapa dalam memahami konsep sebenar pengajaran dan pembelajaran di prasekolah di samping membimbing dan mendidik anak-anak dalam pembelajaran.

Di samping itu, penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran di prasekolah dapat membantu ibu bapa mengetahui tahap perkembangan anak mereka. Kebanyakan ibu bapa terutamanya yang berada di kawasan pedalaman kurang memahami akan perkara ini. Masih terdapat segelintir ibu bapa yang tidak mengetahui bahawa pendidikan awal kanak-kanak seharusnya diberikan kepada anak-anak di awal usia lagi dalam erti kata lain pendidikan secara tidak formal kerana perkembangan kanak-kanak berlaku secara berterusan.

Kurikulum yang digunakan di prasekolah adalah Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Terdapat segelintir ibu bapa yang masih tidak memahami kurikulum yang diajar serta dipraktikkan di prasekolah atau mana-mana tadika di negara ini. Bagi ibu bapa terutamanya di kawasan pedalaman memandang remeh berkenaan pendidikan awal kanak-kanak. Guru memainkan peranan untuk menyebarkan serta memberi pendedahan berkenaan kurikulum ini. Biarpun memakan masa yang agak lama untuk ibu bapa memahami kurikulum serta aktiviti pembelajaran di prasekolah, usaha guru perlu diteruskan untuk menyediakan aktiviti yang kreatif serta menyeronokkan supaya dapat menggalakkan ibu bapa untuk turut serta dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak.

Melalui penyertaan ini, sedikit sebanyak ibu bapa akan memahami kurikulum yang diajarni di prasekolah dan secara tidak langsung menyedari akan kepentingan pendidikan awal kanak-kanak kepada anak-anak mereka walaupun mereka tinggal di kawasan pedalaman. Penglibatan dalam aktiviti pembelajaran ini bukan sahaja membantu ibu bapa memahami berkenaan kurikulum prasekolah, malah membantu mereka melakukan penambahbaikan melalui idea atau cadangan yang berasas daripada ibu bapa yang terlibat.

#### **2.4 Ibu bapa dapat bersoal jawab dan berkongsi masalah dengan guru**

Komunikasi yang akrab antara ibu bapa dengan guru dapat membantu kanak-kanak dalam pendidikan mereka. Keterlibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak-anak di prasekolah membantu ibu bapa untuk berkongsi sebarang masalah sama ada berkaitan dengan pembelajaran dan keupayaan kanak-kanak. Guru perlu menyediakan medium yang sesuai supaya ibu bapa boleh berkongsi serta bersoal jawab tentang sesuatu isu berkenaan prasekolah mahupun berkaitan dengan pembelajaran anak-anak.

Peluang yang diberikan ini sebenarnya secara tidak langsung menarik ibu bapa untuk melibatkan diri dalam setiap aktiviti pembelajaran anak-anak. Peluang ini membolehkan ibu bapa tidak takut untuk berkongsi sesuatu perkara atau mencadangkan idea-idea tertentu untuk kebaikan bersama. Selain itu, ia juga menggalakkan ibu bapa untuk berkomunikasi secara positif dengan guru. Hubungan yang erat antara ibu bapa dengan guru yang terhasil sebenarnya membantu dalam perkembangan kanak-kanak itu sendiri.

Di samping itu, persefahaman antara guru dan ibu bapa terjadi disebabkan oleh proses soal jawab dan juga perkongsian maklumat dengan guru. Isu yang timbul melibatkan pendidikan anak-anak di prasekolah dapat diselesaikan dengan mudah selari dengan kehendak kementerian sendiri iaitu menggalakkan penglibatan bersama ibu bapa dan guru dalam menyelesaikan sebarang isu yang berkaitan dengan pendidikan anak-anak.

### **3.0 MODEL PENGLIBATAN IBU BAPA**

Model penglibatan ibu bapa yang diambil adalah model penglibatan ibu bapa oleh Joyce Epstein (2002) yang mengetengahkan beberapa kategori dalam model tersebut. Model penglibatan ibu bapa oleh Joyce Epstein ini digunakan sebagai panduan untuk penyelidik merangka aktiviti yang bersesuaian untuk menggalakkan penglibatan ibu bapa di prasekolah. Terdapat beberapa ciri dalam model penglibatan ibu bapa Joyce Epstein ini yang diterangkan secara ringkas seperti berikut :

a) Kategori keibubapaan (*parenting*)

Sekolah membantu ibu bapa menyediakan persekitaran yang sesuai untuk pembelajaran di rumah. Faktor ini secara tidak langsung akan mempertingkatkan kesediaan kanak-kanak untuk menjalani proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Di samping itu, ia juga membantu guru untuk mengenal pasti latar belakang sesebuah keluarga dan budaya yang diperlakukan dalam keluarga tersebut.

b) Kategori komunikasi (*communication*)

Sekolah berhubungan dengan ibu bapa mengenai program atau aktiviti di sekolah dan memaklumkan berkenaan dengan kemajuan kanak-kanak melalui proses komunikasi yang berkesan. Komunikasi ini termasuklah komunikasi dua hala yang berlaku dari semasa ke semasa antara sekolah dengan ibu bapa dan komuniti.

c) Kategori kesukarelawanan (*volunteerism*)

Pihak sekolah kebiasaannya mengelolakan bantuan ibu bapa di sekolah atau mewujudkan pasukan sukarelawan untuk membantu pihak sekolah. Aktiviti kesukarelawanan tersebut melibatkan semua aktiviti yang berlaku dalam bilik darjah dan persekitaran sekolah.

d) Kategori pembelajaran di rumah (*learning at home*)

Sekolah membekalkan idea kepada ibu bapa untuk membantu anak-anak mereka dalam aktiviti pembelajaran di rumah. Jenis penglibatan ini biasanya mempengaruhi pencapaian serta perkembangan kanak-kanak itu sendiri.

e) Kategori kepemimpinan (*leadership*)

Sekolah melatih ibu bapa untuk menjadi pemimpin. Ibu bapa kebiasaannya mengambil bahagian dalam pentadbiran dan juga penjagaan anak-anak. Jenis penglibatan ini dianggap sebagai paling bermakna tetapi agak sukar diamalkan di kebanyakan sekolah.

f) Kategori kolaborasi dengan komuniti

Sekolah mewujudkan kerjasama dengan komuniti dan juga masyarakat setempat. Kerjasama ini perlu membawa kebaikan kepada pihak yang terlibat supaya kebaikan tersebut dapat dinikmati dan dicapai bersama-sama.

### **4.0 IMPLIKASI DAN CADANGAN**

Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak adalah amat penting. Penglibatan ibu bapa terutamanya di prasekolah sangat mempengaruhi terutamanya dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak tersebut. Guru perlu mewujudkan pelbagai aktiviti yang menarik dan menyeronokkan supaya dapat menggalakkan ibu bapa untuk hadir ke prasekolah seterusnya melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan.

Guru juga perlu prihatin akan latar belakang dan juga budaya masyarakat setempat supaya tidak berlaku ketidaksefahaman atau salah faham antara kedua-dua pihak. Kesefahaman ini membantu melancarkan segala perancangan aktiviti yang telah dibuat. Hal ini kerana penglibatan ibu bapa sangat penting dalam membantu perkembangan kanak-kanak prasekolah. Kerjasama daripada ibu bapa sama ada di prasekolah maupun di rumah dapat meningkatkan kebolehan seseorang kanak-kanak terutamanya dari segi fizikal, emosi, rohani dan sahsiah.

Ibu bapa yang rata-rata kurang melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran anak-anak di prasekolah ini secara tidak langsung akan memberikan kesan yang negatif kepada perkembangan anak-anak terutamanya anak-anak yang di awal usia ini. Pengetahuan yang kurang terhadap pendidikan awal kanak-kanak akan memberikan banyak kesan negatif pada masa akan datang terutamanya masalah sosial yang semakin hari semakin bertambah dan amat membimbangkan.

Ibu bapa yang tidak melibatkan diri dalam pendidikan awal kanak-kanak ini juga dikhawatir akan mengganggu perkembangan kanak-kanak itu sendiri. Kanak-kanak mempunyai perkembangan otak yang pantas dan neuron-neuron berkembang dengan cepat melalui rangsangan-rangsangan yang berlaku di sekeliling mereka. Penglibatan ibu bapa perlu bagi membantu perkembangan ini supaya kanak-kanak memperoleh perkembangan yang menyeluruh dari segi fizikal, emosi, kerohanian dan intelek mereka.

## **5.0 KESIMPULAN**

Pendidikan awal kanak-kanak bertujuan membantu ibu bapa untuk membantu perkembangan kanak-kanak secara holistik melalui pengalaman belajar yang bermakna dan menyeronokkan serta persekitaran yang diperkaya bagi merangsang otak kanak-kanak (Essa, 1996). Dalam kajian, pendidikan awal kanak-kanak merujuk kepada pendidikan yang disediakan untuk kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun. Namun begitu, kejayaan pendidikan awal kanak-kanak ini ditentukan oleh penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak itu sendiri.

Penglibatan ibu bapa penting bagi membantu perkembangan menyeluruh kanak-kanak di samping memperkembangkan keyakinan diri mereka dalam apa sahaja aktiviti yang dilakukan oleh mereka. Ibu bapa merupakan sokongan yang secara langsung memberikan kesan positif kepada perkembangan kanak-kanak. Justeru, dalam kajian ini pengkaji menekankan pentingnya penglibatan ibu bapa terhadap aktiviti pembelajaran kanak-kanak sama ada di rumah maupun di prasekolah.

Penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan awal kanak-kanak akan membantu meningkatkan kualiti sesebuah program tadika dengan menyumbang tenaga dan berkongsi kebolehan masing-masing dalam program pendidikan awal kanak-kanak. Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak secara tidak langsung boleh meningkatkan kendiri kanak-kanak dan ibu bapa itu sendiri. Ibu bapa boleh menjadi pendidik di rumah melalui penglibatan diri mereka terhadap aktiviti pembelajaran anak-anak.

Kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang sering melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak seperti meluangkan masa membaca buku cerita, memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mengenali potensi diri mereka sendiri dan sebagainya sedikit sebanyak menjadikan kanak-kanak tersebut seorang yang mempunyai jati diri dan keyakinan diri yang tinggi.

Oleh itu, penglibatan ibu bapa amatlah penting dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak sama ada di rumah maupun di tadika atau taska. Kajian ini diharapkan dapat membantu meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak dan memberi kesedaran kepada ibu bapa bahawa pendidikan awal kanak-kanak adalah sesuatu yang amat penting dan tidak boleh di pandang remeh. Kanak-kanak berhak diberikan pendidikan dan seharusnya didedahkan dengan pendidikan di awal usia. Kajian ini diharapkan memberi pendedahan kepada ibu bapa bahawa penglibatan mereka dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak adalah penting dan pendidikan awal kanak-kanak perlu diberikan pada peringkat awal dalam membantu perkembangan mereka yang menyeluruh.

## **RUJUKAN**

- Atan Long. 1978. *Psikologi Pendidikan*. DBP
- Annica Lofdahl. 2014. Teacher-parent relation and professional strategies : A case study on documentation and talk about documentation in a Swedish Preschool. *Australasian Journal of Early Childhood Education Volume 39 Number 3*.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan : Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur : McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Dorothy June Sciarra, Anne G. Dorsey, Ellen M. Lynch & Shauna M. Adams. 2013. *Developing and Administering A Child Care and Education Program*. United State of America.
- Joyce L. Epstein, M.G. Sanders, B.S. Simon, K.C. Salinas, N.R. Jansorn & F.L. Voorhis. 2002. School, Family and Community Partnership : Your Handbook for Action 2nd edition. Thousand Oaks, CA.
- Kanammah a/p Manukaram, Melissa Ng Lee Yen Abdullah & Shahizan Hasan. 2013. Pengaruh Faktor Keluarga Terhadap Pembelajaran Regulasi Kendiri Murid Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Learning and Instruction : Vol. 10 9: 179-201*.
- Meriam, S.B. 2001. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco : Jossey-Bass Pub.
- Othman Lebar. 2009. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Method*. Tanjung Malim : Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Parmjit Singh, Sidhu, G. K & Chan Yuen Fook. 2011. Malaysian Parents' and Perspectives on the Organization of School Homework. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 21(3): 1019-1037*.
- Qilong Zhang. 2015. Defning ‘meaningfulness’ : Enabling Preschoolers to get the Most Out of Parental Involvement. *Australasian Journal of Early Childhood volume 40 Number 4*.
- Sampson Lee Blair. 2014. Parental Involvement and Children’s Educational Performance : A Comparison of Filipino and U.S. Parents. *Journal of Comparative Family Studies volume XLV number 3*.

- Suresh Kumar N Vellymalay. 2011. A Study of the Relationship Between Indian Parents' Education Level and Their Involvement in Their Children's Education. *Kajian Malaysia*, Vol. 29, No.2, 47-65.
- Susan Sim & Donna Bertheisen. 2014. Shared Book Reading by Parents with Young Children : Evidence-based Practice. *Australasian Journal of Early Childhood Volume 39 Number 1*.
- Thuwayba A. Al-Barwani, Tayfour S. Albeely & Humaira Al-Suleimani. 2012. Parental Involvement in Higher Education in Oman. *Jurnal Pendidikan Malaysia 37(1): 13-24.*